

14/07/2000

Danaharta wajar perluas peranan

PERANAN Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) tidak wajar dihadkan kepada syarikat kewangan saja, sebaliknya perlu diperluaskan membabitkan syarikat lain yang turut terjejas akibat krisis ekonomi dalam tempoh dua tahun lalu.

Chang See Ten (BN-Gelang Patah) ketika membahaskan Rang Undang-Undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000 di Dewan Rakyat semalam, berkata langkah itu dapat mempercepatkan lagi proses pemulihan ekonomi negara.

"Dalam tempoh dua tahun lalu, Danaharta dan sekutunya, Danamodal, berfungsi dengan cemerlang bagi memastikan kedudukan ekonomi kita lebih baik berbanding beberapa negara jiran walaupun dibantu Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Tindakan Danaharta mengambil alih pinjaman tidak berbayar (NPL) secara tidak langsung mengurangkan tekanan terhadap institusi kewangan tempatan serta merumus kaedah pembayaran semula yang lebih mesra," katanya.

Sehingga kini, Danaharta sudah mengambil alih NPL dengan jumlah anggaran kasar RM40 bilion membabitkan 66 institusi kewangan dan membolehkan bank terus memberi pinjaman pada peminjam berdaya maju.

Danaharta cuma mengambil alih hak ke atas pinjaman tanpa menukar milik harta peminjam tetapi hanya sekadar menjadikannya sebagai cagaran sehingga peminjam dapat berdikari semula dan menebus kembali cagaran itu.

Sementara itu, Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) pula menyifatkan penubuhan Danaharta sebagai tindakan bijak yang membolehkan negara terselamat daripada keganasan akibat rusuhan seperti yang berlaku di beberapa negara jiran.

"Walaupun pada awalnya tindakan ini dikritik pelbagai pihak, dalam jangka panjang ia jelas menggambarkan wawasan bernas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengelakkan satu malapetaka besar," katanya.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) mengakui penubuhan Danaharta adalah langkah yang amat berkesan dalam membantu syarikat kewangan tempatan yang semakin tenat dan pada masa yang sama membantu institusi perbankan.

"Bagaimanapun, kaedah operasi Danaharta sewajarnya lebih telus dan terbuka tanpa ada pilih kasih terhadap syarikat tertentu kerana ia dimiliki individu yang mempunyai kepentingan peribadi," katanya.

(END)